

Headline	Nasib sebelahi kami: Sarjit		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	47
ArticleSize	269 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 27,711		



# Nasib sebelahi kami: Sarjit

**Kuala Terengganu:** Pengendali Pasukan Hoki Terengganu (THT), Sarjit Singh menyifatkan kebangkitan pada pusingan kedua membantu pasukannya meraih kejuaraan hatrik Liga Premier Hoki Malaysia (MHL)-TNB 2016.

Malah, kejayaan pasukannya memenangi kejuaraan liga tiga tahun berturut-turut sejak 2014 hasil 'bantuan' pasukan TNB mengejutkan pencabar utama, Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC), Jumaat lalu.

"Kita bermula hambar pada pusingan pertama liga apabila hanya mengutip tujuh mata daripada lima perlawanan.

"Namun, pemain berjaya mempamerkan aksi sebenar mereka pada pusingan kedua di samping bantuan TNB menegakkan KLHC pada dua aksi terakhir liga," katanya.

## Saingan sengit

THT dinobatkan juara selepas

mudah menjinakkan TNB 3-1 dalam aksi terakhir di Stadium Hoki Batu Buruk, di sini, kelmarin.

Bekas pengendali kebangsaan itu mengakui saingan musim ini cukup mencabar buat pasukannya apabila semua pasukan turun beraksi dengan misi mengalahkan THT.

"Kita berdepan saat sukar musim ini apabila semua pasukan bukan sahaja melakukannya persiapan cukup rapi, malah mereka akan mempamerkan aksi luar biasa apabila turun bertemu THT," katanya.

Sarjit berkata, kini fokus utama pasukannya mahu mengekalkan kejuaraan Piala TNB yang dimenangi musim lalu.

"Sekalipun belum tahu bertemu pasukan mana di separuh akhir Piala TNB, namun kita akan berusaha untuk mengekalkan kejuaraan," katanya.

**Oleh Faizul Azlan Razak**



Headline	Nasib sebelahi kami: Sarjit		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	47
ArticleSize	269 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 27,711		



**Pemain THT ceria selepas meraih kejuaraan hatrik dalam saingan Liga Premier Hoki Malaysia (MHL-TNB 2016).**